

STRATEGI BARU PKM DIDEDAH

Oleh NORDIN MOHAMAD

KOTA BAHARU, Jumaat — Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar hari ini mendedahkan beberapa strategi baru Parti Komunis Malaya (PKM) termasuk menubuhkan sebuah "Kerajaan Campuran Demokratik Nasional" di negara ini.

Katanya, arahan PKM baru-baru ini dan lain-lain memifestasi menunjukkan bahawa PKM melalui Barisan Bersatunya (CUF) telah memperhebatkan usaha bagi mendapatkan sokongan bangsa Melayu dalam perjuangannya.

Ini untuk memenangi segala bentuk naungan politik dan lain-lain kumpulan di negara ini bagi menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran Demokratik Nasional (National Democratic Coalition Government)," katanya.

Tan Sri Haniff menyebut demikian dalam kertas kerjanya bertajuk "Kelantan — Keselamatan dan Pembangunan", yang dibentangkan dalam bengkel pembangunan Negeri Kelantan, di Kem Kijang, dekat sini, hari ini.

Menurut beliau, PKM juga telah menubuhkan "Parti Revolusi Nasionalis Melayu (RMNP)" mulai Mei 1981 merupakan cabang kepada organisasi POJOS (Partai

Perseaudaraan Islam Melayu BAPERI) dan "Barisan Tani Melayu (BPM)" yang dirangka untuk menarik-rayu sokongan orang-orang Melayu.

Tan Sri Haniff memberitahu, untuk tujuan yang sama, PKM juga telah membuat propaganda/publisiti terhadap program-program seperti "Rancangan Tanah Pertanian" dan "Draf Rancangan Tanah Nasional" yang ditujukan khas kepada orang-orang Melayu dan kaum tani yang hauskan tanah di Kelantan.

Janji

Menurut beliau, melalui rancangan-rancangan itu, PKM membuat berbagai janji bahawa rakyat akan mendapat faedah yang lebih besar daripada yang didapati dari kerajaan sekarang.

Ketua Polis Negara itu menarik perhatian, musuh-musuh negara itu akan terus cuba mengembangkan kawasan-kawasan operasinya

di Kelantan dan dalam keadaan yang sama, Barisan Bersatu Komunis akan berusaha menyediakan satu iklim politik yang sesuai kepada objektif revolusioner PKM.

Katanya, perjuangan musuh menentang kerajaan adalah kekal (internal) dan masa tersedia ada kepada mereka.

Katanya lagi, ancaman keselamatan di Kelantan terbintunya dari PKM dan puak-puak politik/agama, selain dari aktiviti militan, PKM juga menjalankan kegiatan-kegiatan Barisan Bersatu Komunis untuk merasai ke dalam sosio-politik orang-orang Melayu Kelantan.

Menurutnya lagi, matlamat PKM untuk memikat hati masyarakat Melayu bagi mencapai objektif revolusionernya.

Beliau menyatakan, Lebuhraya Timur-Barat terus menjadi sasaran komunis,

sungguhpun ia telah dibuka sejak 1 Julai lalu, dan kejadian terbaru berlaku pada 7 Ogos lalu, di mana kem pasukan keselamatan di Batu Melintang telah ditembak oleh pegganas komunis.

Serangan

Pada tahun lalu sahaja, pegganas komunis melakukan tiga serang hendap di kawasan Lebuhraya itu berkata, kecenderaan beberapa orang pekerja Jabatan Kerja Raya dan seorang anggota pasukan keselamatan terbunuh, di samping beberapa orang yang lain cedera.

Projek Lebuhraya Timur-Barat dan lain-lain projek termasuk rancangan keselamatan dan pembangunan (KESEBAN) dianggap oleh Pertubuhan Pegganas Komunis (PPK) sebagai penghalang kepada kebebasan pergerakan mereka di Semenanjung, katanya.

Tegas beliau, tindak-tanduk komunis itu adalah selaras dengan tujuan yang menjadi hasrat pembentukan (cominform) pada tahun 1974, dan pengkhalangan terhadap lebuhraya itu dan lain-lain projek pembangunan akan berterusan.

Kepada PKM, tambahnya, Kelantan merupakan sebagai "Corridor" yang strategik untuk ke Semenanjung Malaysia.

Mengenai ancaman pelampau politik/agama, Ketua Polis Negara itu berkata, kegiatan-kegiatan agama di Kelantan adalah ditumpukan kepada puak pelampau politik yang menggunakan agama Islam bagi mendapatkan sokongan rakyat.

Katanya, tokoh-tokoh pelampau bergiat untuk menegakkan pemerintahan Islam secara "total" di negara ini dengan menggunakan "Islamic Fundamentalism" dan isaukafir-mengkafir sebagai prinsip perjuangan mereka untuk membangkitkan semangat keislaman di ka-

langan rakyat Kelantan.

"Dalam ceramah-ceramah dan usrah-usrah, mereka sering menokankan hal agama dan memberi tafsiran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya, ini telah menyesat dan meragukan pemikiran penduduk, khususnya umat Islam terhadap kerajaan," ujarnya.

'Total'

Tan Sri Haniff berkata, golongan itu berpendapat, Kerajaan Malaysia perlu digantikan dengan Kerajaan Islam secara "total" yang berlandaskan al-Quran dan hadis.

Mereka juga, tambah beliau, menganggap perlembagaan dan undang-undang negara sebagai hasil peninggalan penjajah yang berpandukan kepada perundangan kafir dan "sekular".

Tan Sri Haniff menegaskan, isu kafi-mengkafir telah mewujudkan keadaan kurang tenteram, khususnya di kalangan orang-

orang Melayu di luar bandar. Kejadian-kejadian seperti, pemuluan sembahyang Jumaat, kenduri-kendara dan majlis perkahwinan berlaku sehingga hari ini di samping pernikahan semula pasangan suami isteri di hadapan penyokong mereka, tambah beliau.

Katanya lagi, golongan-golongan itu menolak bantuan kerajaan bagi membesarkan masjid-masjid dengan alasan bantuan tersebut datangnya dari sumber yang haram.

"Kejadian-kejadian ini dikesan di beberapa buah kampung di Kelantan dan menimbulkan kegelisahan rakyat kerana ia memecah-belahkan perpaduan orang-orang Melayu di tempat-tempat yang terlibat," ujar beliau lagi.

Bagaimanapun, tambah Tan Sri Haniff, keadaan ini telah dapat dibendung oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan melalui tindakan-tindakan yang telah diambil.

Ketua Polis Negara itu memberitahu, keadaan keselamatan di Kelantan sejak kebelakangan ini baik dan terkawal.

"Keadaan ini akan terus kekal sekiranya kita beranama berganding bahu di dalam usaha menjayakan Rancangan Malaysia Keempat, semoga objektif dasar ekonomi baru akan menjadi kenyataan menjelang tahun 1990," katanya.